

Anwar mahu usaha promosi barangan Malaysia ditingkat

Pengusaha diminta tingkat mutu produk supaya dapat bersaing dengan syarikat asing

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu usaha mempromosi barangan Malaysia dipertingkatkan lagi, bukan sahaja pada peringkat tempatan, malah antarabangsa dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri memainkan peranan mempromosi barangan tempatan ketika berkunjung atau mengadakan lawatan kerja ke luar negara, termasuk pada sambutan Ulang Tahun Ke-50 Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun di Tokyo yang akan dihidirinya bermula hari ini.

"Batik Malaysia umpamanya, saya akan ke Tokyo, semua 10 kepala negara ASEAN diundang kerajaan dan Perdana Menteri Jepun. Ada satu malam, boleh pakai kot, tali leher atau pakaian rasmi, jadi saya bagi nota, saya nak pakai batik Malaysia.

"Sebabnya saya rasa bertanggungjawab untuk promosi barang buatan Malaysia dan saya akan rasa bangga dan beritahu



Anwar merasmikan Karnival Barangan Malaysia di Putrajaya, semalam. Turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali (dua dari kiri), Timbalannya, Fuziah Salleh (dua dari kanan); Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Airman Athirah Sabu dan Ketua Setiausaha KPDN Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar. (Foto BERNAMA)

bahawa ini adalah batik Malaysia, mutunya baik, rekaannya baik," katanya berucap pada Majlis Perasmian Karnival Barangan Malaysia, di sini semalam.

Anwar berkata, selain membantu mempromosikan barangan Malaysia di luar negara, beliau turut mendukung produk tempatan menerusi kunjungan ke gerai dan warung pada setiap minggu sebelum menunaikan solat Jumaat.

"Jika ada kesedaran kita untuk mendukung, bantu, saya tak terasa kurang darjat saya atau tu-

run darjat saya kerana makan di gerai dan warung setiap minggu. Malah kopi dan makanan dihidang di warung kadang-kadang lebih enak dari restoran lima bintang dan lebih murah, yang penting tempatan," katanya.

Justeru, beliau berharap semua menteri, timbalan menteri serta ketua setiausaha (KSU) menunjukkan kesungguhan dalam mempromosi dan mendukung barangan Malaysia, manakala pengusaha barangan tempatan

diminta terus meningkatkan mutu produk mereka supaya dapat bersaing dengan syarikat asing.

Perdana Menteri juga menasihatkan golongan muda supaya tidak mudah terpengaruh dan terpukau dengan propaganda iklan produk luar negara yang akhirnya membebankan ekonomi sendiri.

"Kalau membeli, beli barang mewah, pendapatan RM2,000, baju RM400. Ini kalau ikut teori ekonomi, maknanya asakan iklan yang begitu kencang dan hebat, lagi besar syarikat, lagi kaya

jaringan syarikat antarabangsa, lagi kuat pengaruh dia.

"Maknanya dia terpaksa membeli walaupun tidak mampu, terpaksa menunjuk hebat mengikut trend walaupun membebankan ekonomi sendiri," katanya.

Mengenai Karnival Barangan Malaysia, beliau melihat ia amat membantu memperkasakan pertumbuhan ekonomi negara.

"Kempen beli barangan Malaysia, harganya sederhana ketimbang harga (produk) import dan ia membantu menjana pertumbuhan ekonomi," katanya.